

06/12/1998

Demokrasi bawa banyak perubahan

Minarni Mat Saad

KLANG: Rakyat diingatkan supaya tidak terpedaya dengan laungan reformasi sebaliknya sentiasa menghormati sistem demokrasi diamalkan oleh Malaysia yang selama ini terbukti berjaya membawa banyak perubahan terhadap negara.

Menteri Pendidikan yang juga Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata reformasi diamalkan oleh Umno lebih awal iaitu sebaik saja negara mencapai kemerdekaan sehingga mampu membawa perubahan terhadap sosioekonomi rakyat jauh lebih baik berbanding negara lain di seluruh dunia.

Beliau berkata, Barisan Nasional dan Umno sudah mengadakan reformasi sejak awal lagi sejak negara mencapai kemerdekaan, terutama reformasi terhadap Dasar Pendidikan apabila peluang mendapat pendidikan terbuka luas kepada semua rakyat tanpa mengira bangsa dan taraf hidup.

Malah, katanya, dasar pendidikan turut memberi peluang kepada rakyat mendapat pendidikan hingga ke peringkat tertinggi di dalam dan luar negara.

Menurut beliau, kerajaan turut melaksanakan reformasi terhadap pembangunan sosial penduduk di luar bandar dalam usaha mengisi kemerdekaan dengan pelbagai rancangan pembangunan luar bandar, terutama menyediakan kemudahan bekalan asas seperti jalan raya, air dan elektrik.

Dalam bidang ekonomi pula, katanya, kerajaan mengadakan dasar ekonomi baru yang mengubah sosioekonomi penduduk dengan memberi kuasa ekonomi lebih adil dan saksama di kalangan semua rakyat.

"Malaysia beruntung kerana mempunyai pemimpin yang hebat dan berpandangan jauh sehingga melahirkan sebuah negara merdeka yang benar-benar berusaha mengisi kemerdekaan dengan pembangunan yang pesat dalam segala bidang.

"Malah, di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menjadikan Wawasan 2020 sebagai arah tuju negara Malaysia muncul sebagai model yang terbaik untuk dicontohi negara lain," katanya kepada pemberita selepas Majlis Silaturahmi Antara Pemimpin Masyarakat dan Warga Pendidik Parlimen Kapar/Klang di sini, semalam.

Sehubungan itu, katanya, tidak hairanlah jika Malaysia dicemburui kuasa besar kerana mampu mengorak langkah dengan agenda tersendiri tanpa dicatur oleh mana-mana pihak.

Najib berkata, berdasarkan perspektif sejarah terdapat dua cara untuk melaksanakan perubahan iaitu mengikut lunas undang-undang negara atau menentang undang-undang sehingga menimbulkan huru hara dalam negara.

"Selepas huru-hara siapa yang akan rugi dan siapa yang mendapat faedah, sama ada peniaga atau ibu bapa atau rakyat berada dalam ketakutan," katanya.

Tegasnya, rakyat yang berani adalah mereka yang taat kepada undang-undang dan tidak akan bertindak menghuru-harakan negara sehingga meletakkan kepentingan sendiri melebihi kepentingan rakyat.

(END)